

Sikap Kepimpinan dan Tahap Kesepaduan Pasukan Melalui Aktiviti Pendidikan Luar dalam Kalangan Pelajar Program Sukan dan Rekreasi, Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

(Leadership Attitude And Level Of Team Cohesion Through Outdoor Educational Activities Among Sports And Recreation Program Students, Faculty Of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM))

Muhammad Farhan Abdullah & Abu Yazid Abu Bakar

ABSTRAK

Pelaksanaan aktiviti pendidikan luar lazimnya dilakukan dengan objektif untuk menerapkan kemahiran-kemahiran generik (soft skills) tertentu dalam kalangan peserta. Tujuan kajian ini adalah untuk menilai pembentukan sifat kepimpinan dan tahap kesepaduan pasukan menerusi pelaksanaan aktiviti pendidikan luar dalam kalangan pelajar sukan dan rekreasi, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).. Selain itu, kajian ini juga bertujuan mengenalpasti sama ada jantina responden mempengaruhi sifat kepimpinan dan tahap kesepaduan pasukan. Kajian ini berbentuk deskriptif yang melibatkan 30 orang pelajar yang telah mengikuti program dan aktiviti pendidikan luar dengan menggunakan kaedah rawak mudah. Instrumen kajian merupakan set soal selidik yang terbahagi kepada tiga bahagian. Bahagian A merupakan item-item demografi responden manakala bahagian B adalah soal selidik Group Environment Questionnaire (GEQ: Carron, Widmeyer, & Brawley, 1985) yang terdiri daripada 15 soalan. Bahagian ini perlu dijawab mengikut skala persetujuan dari 1 (sangat tidak setuju) hingga ke skala 5 (sangat setuju). Bahagian C terdiri daripada soal selidik daripada Authentic Leadership Self-Assessment Questionnaire. Bahagian ini juga memerlukan responden memilih skala persetujuan dari 1 (sangat tidak setuju) hingga ke skala 5 (sangat setuju). Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa sifat kepimpinan dan tahap kesepaduan yang terbentuk menerusi penglibatan pendidikan luar dalam kalangan responden adalah positif, di samping menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi kedua-dua pembolehubah berbilang jantina. Dapatkan ini menyediakan data asas (baseline data) sebagai rujukan untuk menambahbaik pelaksanaan aktiviti pendidikan luar dan rekreasi UKM pada masa hadapan.

Kata Kunci: Kepimpinan, kesepaduan, pendidikan luar, sukan dan rekreasi.

ABSTRACT

The implementation of external educational activities is usually done with the objective of applying certain generic skills (soft skills) among the participants. The purpose of this study is to assess the formation of leadership qualities and the level of team cohesion through the implementation of outdoor education activities among sports and recreation students, Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). In addition, this study also aims to identify whether the gender of the respondent affects the nature leadership and the level of team cohesion. This study is a descriptive study involving 30 students who have followed outdoor education programs and activities using a simple random method. The research instrument is a set of questionnaires divided into three parts. Part A is the respondent's demographic items while part B is the Group Environment Questionnaire (GEQ: Carron, Widmeyer, & Brawley, 1985) which consists of 15 questions. This section needs to be answered according to a scale of agreement from 1 (strongly disagree) to a scale of 5 (strongly agree). Part C consists of questionnaires from the Authentic Leadership Self-Assessment Questionnaire. This section also requires respondents to choose a scale of agreement from 1 (strongly disagree) to a scale of 5 (strongly agree). The findings of this study show that the nature of leadership and the level of cohesion formed through the involvement of external education among the respondents are positive, in addition to showing that there is no significant difference for the two multi-gender variables. This finding provides baseline data as a reference to improve the implementation of UKM's outdoor education and recreation activities in the future.

Keywords: Leadership, integration, outdoor education, sports and recreation.

PENGENALAN

Pendidikan luar merupakan corak pendidikan yang melakukan pembelajaran di luar bilik darjah untuk mencapai Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Pendidikan luar bertujuan untuk memahami alam luar dari segi pertalian ekologi. Aktiviti pendidikan luar di institut pengajian tinggi telah menjadi sebahagian daripada sistem pendidikan di Malaysia ketika ini. Ianya telah menjadi satu kegiatan yang diwajibkan kepada setiap pelajar di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang mengambil bahagian dalam bidang pendidikan sukan dan rekreasi. Program pendidikan luar memberi banyak manfaat untuk menggunakan masa lapang melalui penglibatan dalam kegiatan fizikal seperti berkayak, tali temali, bantu mula, ikhtiar hidup, pengurusan perkhemahan dan sebagainya.

Di peringkat antarabangsa, pelbagai kajian yang telah dilaksanakan mendapati bahawa penglibatan dalam program pendidikan luar menghasilkan kesan yang amat positif terhadap domain psikososial peserta (Gordon & Dodunski, 1999), membina semangat kerjasama dan perpaduan (Forgan & Jones, 2002; Jaffry, 2008), melahirkan pemimpin yang berwibawa, meningkatkan tahap pencapaian akademik, dan menyemarakkan semangat cintakan alam. Dapatkan kajian di Malaysia juga menunjukkan pola yang serupa, di mana Amrin (2008) mendapati bahawa program pendidikan luar mampu membungunkan potensi kepimpinan individu, manakala kajian Jaffry (2008) dan Mazuki (2005) mendapati bahawa perkhemahan pendidikan luar mampu memupuk semangat perpaduan dalam kalangan peserta. Kajian-kajian lain pula mendapati bahawa pendidikan luar mampu membina potensi kendiri individu yang cemerlang, di samping berupaya bertindak sebagai katalis kepada pembentukan semangat cintakan alam sekitar. Kesemua hasil kajian berkaitan pendidikan luar sama ada di peringkat antarabangsa mahupun tempatan telah menunjukkan bahawa pendidikan luar amat berkesan dalam melahirkan generasi Malaysia yang cemerlang seiring dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

LATAR BELAKANG KAJIAN

Menurut Stewart (1999) dalam kajiannya membuktikan bahawa peserta dalam program rekreasi dan program pendidikan luar mempunyai kemahiran, kemahiran, sikap kepimpinan dan persepsi yang berbagai-bagai. Penglibatan yang ketara ini menyebabkan terhasilnya kumpulan pelajar yang berkepimpinan. Maka program pendidikan luar perlu terus dilaksanakan bagi meningkatkan perkembangan konsep kendiri guru pelatih supaya mereka mempunyai jati diri dalam menghadapi cabaran sebenar dalam arus

pendidikan negara dan dunia. Hal ini menunjukkan bahawa penglibatan pelajar dalam pendidikan luar dapat membantu bagi mencorakkan kemahiran insaniah pada diri pelajar sebagai bekalan dalam mempromosikan diri di alam pekerjaan.

Kajian oleh Voulalas dan Sharpe (2005) mendapati kepimpinan memainkan peranan paling penting dalam proses transformasi organisasi untuk menjadi sebuah komuniti pembelajaran. Seorang pemimpin diharapkan dapat memenuhi tanggungjawab sebagai pengurus perubahan seperti memberi sokongan dan nasihat semasa krisis, membina pasukan yang saling menyokong, berkongsi visi dan sentiasa menghidupkan visi tersebut walaupun dalam waktu sukar. Antara peranan utama kepimpinan dalam proses transformasi ini ialah menjana dan mengurus perubahan (Lakomski, 2001; Phillips, 2003).

Selain itu, dalam satu kajian yang dilakukan berkait rapat dengan hubungan antara kepimpinan dan kesepadan dalam pasukan. Permasalahan kajian adalah jelas kerana kajian menyatakan dengan jelas bahawa pendidikan luar menghasilkan kesan yang amat positif terhadap domain psikososial peserta, membina semangat kerjasama dan perpaduan melahirkan pemimpin yang berwibawa. Dapatkan yang diperolehi meunjukkan terdapat perubahan yang ketara terhadap kesepadan yang mana meningkatkan komunikasi, kepercayaan dan keupayaan menolak gangguan yang tidak diperlukan. Kajian ini turut disokong oleh Hammerman, Hammerman dan Hammerman (2001), menyatakan perkhemahan turut mewujudkan perhubungan yang lebih erat di antara pelajar dan guru. Ini adalah kerana disebabkan oleh suasana program (pendidikan luar) yang membolehkan wujudnya interaksi di antara keduanya. Selain itu faktor yang turut menyumbang adalah kerana persekitaran yang berstruktur dan menyokong ke arah pembelajaran menerusi aktiviti yang menarik yang memerlukan mereka untuk bekerjasama.

METODOLOGI

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti bagaimana aktiviti pendidikan luar dapat membantu meningkatkan sifat kepimpinan serta memupuk tahap kesepadan pasukan dalam kalangan responden kajian. Di samping itu, kajian ini bertujuan menilai sejauhmana jantina mempengaruhi pembentukan sifat kepimpinan dan tahap kesepadan pasukan dalam kalangan pelajar sukan dan rekreasi UKM yang menjadi responden kajian.

Reka bentuk kajian merupakan satu tatacara pengolahan data yang dipungut berdasarkan perancangan khusus dan sistematik terhadap konsep pembentukan rangkaian hubungan antara pemboleh ubah yang terlibat dalam sesuatu kajian (Kerlinger, 1970). Selain itu, reka

bentuk juga merujuk kepada cara pengkaji mengendalikan kajian, dan prosedur atau teknik yang digunakan bagi menjawab soalan kajian (McMillan & Schumacher, 1984). Menurut Mohd Majid (1998), alat ukur yang berbentuk soal selidik adalah untuk mendapat maklumat yang mengukur ciri-ciri atau pembolehubah yang hendak diukur daripada saiz sampel yang banyak. Kaedah ini terbukti dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerak balas subjek terdapat rangsangan soalan yang diberikan oleh pengkaji.

Pengkaji telah memilih populasi yang terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan yang mengambil kos pendidikan sukan dan rekreasi UKM yang terlibat secara aktif dalam aktiviti pendidikan luar yang sering diadakan seperti perkhemahan, aktiviti kayak, orientering dan aktiviti lain yang melibatkan kerja dalam kumpulan. Menurut Konting (2000), populasi menunjukkan ciri-ciri ukuran bagi sekumpulan subjek kajian yang dijalankan.

Di dalam kajian ini terdapat dua pembolehubah iaitu pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar. Penyelidik telah menetapkan senarai pembolehubah yang boleh diguna pakai dalam penyelidikan ini. Dalam kajian ini, pembolehubah bersandar yang telah dikenalpasti ialah kesepaduan dan kepimpinan dalam pasukan melalui aktiviti pendidikan luar, manakala pembolehubah tidak bersandar dalam kajian ini ialah pelajar sukan dan rekreasi UKM iaitu pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

Dalam kajian ini, pengkaji telah menyusun data-data yang diperolehi berdasarkan intrumen yang digunakan. Dalam kajian ini juga, data-data yang diperoleh dianalisis berdasarkan objektif dan persoalan kajian yang dikemukakan. Data ini direkodkan supaya mudah diolah dan diinterpretasi. Data kuantitatif dikumpulkan dan dianalisis dengan menggunakan ujian statistik deskriptif kerana ia merupakan kaedah analisis yang mudah dilakukan. Kaedah statistik deskriptif digunakan untuk mendapatkan min, sisihan piawai dan peratusan bagi setiap pembolehubah.

Menurut Bahaman dan Turiman (1999), statistik deskriptif sesuai digunakan kerana dapat mengumpul dan menyusun data untuk menyampaikannya dalam bentuk yang mudah difahami. Tanpa statistik deskriptif, kumpulan data yang banyak sukar ditafsirkan dan tidak bermakna. Pengkaji menggunakan SPSS bagi menganalisis data berstatistik dapat menghasilkan pengiraan yang tepat dan bebas daripada ralat (Konting, 2000). Pengaturcaraan Statistical Package of the Sosial Science (SPSS versi 22.0) digunakan untuk memudahkan pengiraan dan memastikan

ketepatan pengiraan. Analisis data untuk bertujuan untuk mengetahui aktiviti pendidikan luar dapat membentuk kesepaduan pasukan dan tahap kepimpinan dalam kalangan pelajar.

Seterusnya, analisis inferensi untuk menguji ujian-t tidak bersandar bertujuan untuk mendapatkan analisa bagi perbandingan antara jantina. Melalui ujian-t tersebut, pengkaji dapat mengetahui hubungan, min dan sisihan piawai antara jantina. Anova satu hala dan korelasi Pearson telah digunakan untuk menghurai dan menguji hipotesis kajian. Analisis ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kesepaduan dan kepimpinan dalam pendidikan luar antara jantina.

Min dan sisihan piawai pula digunakan untuk mengukur sebarang populasi kerana berupaya memberi gambaran secara kuantitatif tentang subjek daripada segi frekuensi skor. Min adalah titik pengimbang dalam suatu taburan markat. Menurut Konting (2000), min adalah sukatan kecenderungan memusat yang penting dalam penganalisisan data penyelidikan. Dalam kajian ini, sisihan piawai digunakan untuk menerangkan serakan subjek apabila min digunakan. Sisihan piawai digunakan sebagai petunjuk bagi taburan normal. Sisihan piawai pula adalah statistik yang tepat dan berkesan untuk memerihalkan serakan taburan data. Menurut Baba (1997), sekiranya dua kumpulan berkemungkinan memperoleh nilai min pencapaian yang sama, kumpulan yang memperoleh nilai sisihan piawai yang lebih kecil dikatakan menunjukkan pencapaian yang baik kerana serakan yang lebih seragam.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini akan membincangkan keputusan yang diperoleh dari borang soal selidik yang telah diedarkan kepada sampel. Soal selidik bertujuan untuk mengetahui sejauhmanakah aktiviti pendidikan luar dapat memupuk kesepaduan pasukan dan dapat meningkatkan tahap kepimpinan dalam kalangan pelajar pelajar sukan dan rekreasi UKM. Analisis yang dibuat berdasarkan borang soal selidik yang telah diedarkan kepada pelajar yang aktif dalam bidang pendidikan luar dan aktiviti rekreasi. Maklumat data yang diperolehi daripada responden akan dijelaskan melalui jadual.

Skala Likert 5-mata digunakan untuk instrumen kajian tinjauan ini, yang membolehkan pengkaji mengawal maklum balas yang berat sebelah. Skala akan diberikan bermula daripada 1 hingga 5. Perincian skala tersebut seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Pengukuran skala Likert 5-mata

Skala	Tafsiran
1	Sangat Tidak Setuju
2	Tidak Setuju
3	Tidak Pasti
4	Setuju
5	Sangat Setuju

Skala pengukuran skor min dirujuk berdasarkan interpretasi skor min bagi skala Likert 5-mata ini pula seperti tertera dalam seperti Jadual 2.

Jadual 2: Interpretasi skor min (Sumber: Landell, 1977)

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

DEMOGRAFI RESPONDEN

Responden kajian seramai 30 orang dipilih dalam kalangan pelajar tahun dua, tiga dan akhir program Sukan dan

Rekreasi di Fakulti Pendidikan, UKM. Latarbelakang demografi yang diperolehi terdiri daripada jantina, bangsa, agama, umur, dan tahun pengajian. Perincian data setiap aspek demografi tersebut dalam bentuk bilangan dan peratusan dipaparkan dalam ilustrasi Jadual 3.

Jadual 3: Perincian data demografi responden

	Kategori	Bilangan (N)	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	15	50.0
	Perempuan	15	50.0
	Melayu	27	90.0
Bangsa	Cina	2	6.7
	India	1	3.3
	Islam	27	90.0
Agama	Kristian	2	6.7
	Buddha	1	3.3
Umur	18-20 tahun	4	13.3
	21-23 tahun	20	66.7
	24-26 tahun	5	16.7
Tahun Pengajian	27-30 tahun	1	3.3
	Dua	2	6.7
	Tiga	9	30.0
	Akhir	19	63.3

PERBEZAAN SIFAT KEPIMPINAN DAN TAHAP KESEPADUAN PASUKAN DAN DALAM KALANGAN RESPONDEN BERBEZA JANTINA

Perbezaan ini dianalisis menerusi kaedah ujian-t, di mana perinciannya dipaparkan dalam ilustrasi Jadual 4.

Dapatan bagi sikap kepimpinan menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan ($p=0.824>0.05$) antara lelaki dan perempuan. Min kepimpinan bagi lelaki adalah 4.21 manakala min bagi kepimpinan perempuan adalah 4.18. Dapatan ini menunjukkan lelaki dan perempuan memiliki sikap kepimpinan yang sederhana. Selain itu,

didapati nilai-t bagi perbandingan tahap kesepaduan pasukan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan ialah $t=0.518$ manakala aras kesignifikanan $p=0.609$. lebih besar daripada $0.05(p>0.05)$. Sehubungan itu, tidak terdapat

perbezaan yang signifikan ($P=0.609>0.05$) juga tentang pembolehubah ini dalam kalangan responden lelaki dan perempuan. Min responden lelaki adalah 4.34 dan lebih besar daripada min responden perempuan iaitu 4.29.

Jadual 4 Analisis ujian-t perbezaan sikap kepimpinan dan tahap kesepaduan responden kajian berbeza jantina terhadap

	Jantina	N	Min	SP	Nilai t	Sig.
Kepimpinan	Lelaki	15	4.21	0.326	0.225	0.824
	Perempuan	15	4.18	0.289		
Kesepaduan	Lelaki	15	4.34	0.287	0.518	0.609
	Perempuan	15	4.29	0.198		

Nota: Sig. $p=<0.05$

Dapatkan kajian ini adalah seiring dengan daptan kajian-kajian terdahulu yang merumuskan bahawa aktiviti pendidikan luar mempunyai potensi untuk meningkatkan sikap kepimpinan dan memupuk tahap kesepaduan pasukan dalam kalangan pesertanya, di samping mengukuhkan perhubungan antara pelatih dan jurulatih (Hamerman, Hamerman & Hamerman, 2001; Goodman, Ravlin & Schminke, 1987).

Dalam konteks perbezaan jantina pula, daptan kajian ini menyatakan perempuan secara signifikan lebih mengambil berat terhadap kesepaduan kumpulan berbanding lelaki. Selain itu kajian lain yang menumpukan terhadap perbezaan jantina dalam penglibatan pendidikan luar turut mendapati keputusan yang sama (MacDonald & Hara, 1994). Daptan dari kajian ini menunjukkan bahawa lelaki kurang peka terhadap persekitaran dan kurang cenderung berkaitan kesepaduan kumpulan. Kenyataan ini selari dengan pandangan Mohai (1992) yang menegaskan bahawa lelaki telah disosialisasikan sebagai pembawa perubahan terhadap sains dan teknologi. Oleh yang demikian, lelaki lebih bersifat ‘maskulin’ dan menunjukkan kualiti rasional serta sifat ingin bersaing. Manakala perempuan pula telah disosialisasikan sebagai ‘feminin’ dan bersifat mengambil berat serta mempunyai mentaliti keibuan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, dapatlah dirumuskan bahawa aktiviti pendidikan luar dapat membentuk sikap kepimpinan dan tahap kesepaduan pasukan dalam kalangan pelajar melalui aktiviti berkumpulan yang dijalankan semasa aktiviti dan program. Dalam hal ini, pembangunan kemahiran kepimpinan dalam kalangan pelajar terutamanya mereka yang mengelolakan pasukan semasa aktiviti pendidikan luar tersebut dapat dicapai dengan berkesan. Namun begitu, tidak terdapat perbezaan yang signifikan tentang kedua-dua pembolehubah ini sekiranya dibuat perbandingan

berdasarkan jantina. Dapatkan kajian ini dapat dijadikan sebagai data asas (baseline data) untuk penambahbaikan pelaksanaan aktiviti pendidikan luar dalam program sukan dan rekreasi di Fakulti Pendidikan khasnya, dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) amnya.

RUJUKAN

- Amrin, A. (2008). Penilaian pelajar terhadap kompetensi pemimpin program pendidikan luar di Institut Pendidikan Guru Malaysia. Tesis Ijazah Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan: Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Baba, A. (1997). *Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan dan Sains Sosial*. Bangi: Penerbit UKM.
- Bahaman, A. S., & Turiman, S. (1999). *Statistic For Social Research with Computer Applications*. Kuala Lumpur: JJ Print & Copy
- Forgan, J. W., & Jones, C. D. (2002). How experiential adventure activities can improve students' social skills. *Teaching Exceptional Children*, 34(3), 52-56.
- Goodman, P. S., Ravlin, E., & Schminke, M. (1987). Understanding groups in organizations. In L. L. Cummings & B. M. Staw (Eds.), *Research in Organizational Behavior* (vol. 9, pp. 121-173). Greenwich, CT: JAI Press.
- Gordon, B., & Dodunski, R. (1999). A study of the effect of an outdoor education experience on students' perceptions of their peers. *Journal of Physical Education New Zealand*, 32(2), 16-18.
- Hamerman, D. R., Hamerman, W. M., & Hamerman, E. L. (2001). *Teaching in the Outdoors* (5th ed.). Danville, IL: Interstate Publishers Inc.
- Jaffry, Z. (2008). The effects of National Service programme in Perlis state on group cohesion. Tesis Ijazah Sarjana yang tidak diterbitkan, Universiti Putra Malaysia, Serdang.

- Kerlinger, F. N. (1970). *Foundation of Behavioural Research*. New York, NY: Holt, Rinehart & Winston.
- Konting, M. M. (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lakomski, G. (2001). Organizational change, leadership and learning: Culture as cognitive process. *International Journal of Educational Management*, 15(2), 68-77.
- MacDonald, W. L. & Hara, N. (1994). Gender differences in environmental concern among college students. *Sex Roles*, 31, 369-374.
- Mazuki, M. Y. (2005). Kesan program perkhemahan pendidikan luar terhadap kesepadan kumpulan. Tesis Ijazah Sarjanamuda yang tidak diterbitkan. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.
- McMillan, J. H., & Schumacher, S. (1984). *Research in Education: A Conceptual Introduction*. Boston, MA: Little, Brown.
- Mohai, P. (1992). Men, women and the environment: An examination of the gender gap in environmental concern and activism. *Society & Natural Resources*, 5(1), 1-19.
- Phillips, R. (2003) *Stakeholder Theory and Organizational Ethics*. San Francisco, CA: Berrett-Koehler.
- Stewart, W. P. (1999). Leisure as multiphase experiences: Challenging tradition. *Journal of Leisure Research*, 30(1), 391-400.
- Voulalas Z. D., & Sharpe, F. G. (2005). Creating schools as learning communities: obstacles and processes. *Journal of Educational Administration*, 43(2), 187-208.

Muhammad Farhan Abdullah
Fakulti Pendidikan,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abu Yazid Abu Bakar
Fakulti Pendidikan,
Universiti Kebangsaan Malaysia